



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

LAPORAN STATUS KUALITI UDARA DAN JEREBU DALAM NEGARA

Indeks Pencemar Udara (IPU) yang direkodkan di laman sesawang Jabatan Alam Sekitar pada jam 6.00 petang ini menunjukkan tiada (0) kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik, lima puluh enam (57) kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana, **sebelas (11) kawasan mencatatkan bacaan IPU pada tahap tidak sihat pada hari ini, iaitu:**

- 1) IPD Serian, SARAWAK (IPU - 197)
- 2) Kuching, SARAWAK (IPU - 191)
- 3) Samarahan, SARAWAK (IPU - 178)
- 4) Sarikei, SARAWAK (IPU - 171)
- 5) Sri Aman, SARAWAK (IPU - 177)
- 6) Sibu, SARAWAK (IPU - 160)
- 7) Bintulu, SARAWAK (IPU - 157)
- 8) Samalaju, SARAWAK (IPU - 153)
- 9) Mukah, SARAWAK (IPU - 158)
- 10) Miri, SARAWAK (IPU - 136)
- 11) Bukit Rambai, MELAKA (IPU - 152)

Kualiti udara dalam negara pada hari ini didapati merosot dengan peningkatan kawasan yang mencatatkan bacaan IPU tidak sihat melibatkan kawasan di Sarawak yang disebabkan oleh pergerakan asap jerebu daripada pelbagai arah.

Berdasarkan laporan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre* (ASMC) yang berpusat di Singapura pada **21 Ogos 2026**, imej satelit *National Oceanic and Atmospheric Administration* (NOAA) 20, terdapat **425 titik panas (hotspot)**

dikesan di Kalimantan, 187 titik panas (hotspot) dikesan di Sumatera dan 15 titik panas (hotspot) dikesan di dalam negara iaitu 2 di Johor, 1 di Kelantan, 1 di Melaka, 2 di Pahang, 7 di Sarawak dan 2 di Terengganu,.

Peta Jerebu Serantau yang dikeluarkan oleh ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) pada 22 Ogos 2026 menunjukkan keadaan cuaca kering berlaku di rantau ASEAN selatan. Kelompok titik panas bertaburan dikesan di beberapa kawasan di Kalimantan, manakala titik panas terpencil dikesan di bahagian tengah dan selatan Sumatera. Beberapa titik panas turut dikesan di Semenanjung Malaysia, Sulawesi dan Pulau Jawa. Kepulan asap sederhana diperhatikan di bahagian tengah dan selatan Sumatera. Jerebu sederhana turut diperhatikan di bahagian barat Borneo.

TINDAKAN JAS

JAS terus memperkukuh pemantauan, pencegahan dan penguatkuasaan terhadap aktiviti pembakaran terbuka di seluruh negara susulan keadaan cuaca panas dan kering yang boleh meningkatkan risiko berlakunya kebakaran serta memberi kesan terhadap kualiti udara.

JAS sentiasa memantau dan melaporkan status **Indeks Pencemar Udara (IPU) selama 24 jam** bagi memastikan perkembangan kualiti udara dapat dikesan dan tindakan sewajarnya dapat diambil sekiranya berlaku peningkatan pencemaran udara.

Dalam masa yang sama, JAS turut melaksanakan pemantauan titik panas, rondaan di lapangan serta penggunaan teknologi dron bagi mengesan dan mencegah aktiviti pembakaran terbuka, termasuk di kawasan yang sukar diakses. Sehingga Ogos sebanyak **838 titik panas** telah dipantau di seluruh negara. Melalui Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka (OMPT), sebanyak **4,147 rondaan darat** telah dilaksanakan, manakala **640 penerbangan dron** turut dijalankan sebagai langkah mempertingkatkan keupayaan pemantauan di lapangan.

Bagi tempoh **1 Januari hingga 18 Ogos 2026**, JAS telah menyiasat sebanyak **6,603 kes pembakaran terbuka** yang dikesan melalui aduan awam serta pengesanan titik panas menggunakan imej satelit. Sebanyak **5,190 kes telah dipantau**, termasuk

pelaksanaan tindakan ulang lawat di kawasan yang dikenal pasti kerap berlaku kebakaran, khususnya di kawasan tanah gambut.

Dari aspek penguatkuasaan, JAS telah mengeluarkan sebanyak **569 Arahan di Lapangan, 85 Notis Arahan dan 85 kompaun**, selain **23 kes kertas siasatan sedang disediakan untuk tindakan mahkamah**.

Selain itu, sebanyak **1,862 kes telah dirujuk kepada agensi terlibat** untuk tindakan lanjut, khususnya kes pembakaran kecil yang berlaku di kawasan kejiranan, tepi jalan dan tanah kerajaan yang berada di bawah bidang kuasa agensi-agensi melalui perwakilan kuasa JAS.

PELAN TINDAKAN JEREBU KEBANGSAAN (PTJK)

JAS melalui Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan **sentiasa memantau kualiti udara dari semasa ke semasa** dan tindakan yang akan diambil adalah selaras dengan PTJK yang melibatkan kesemua agensi-agensi berkaitan. Antara tindakan yang perlu dilaksanakan oleh agensi adalah:

- (i) NADMA akan mengaktifkan Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat daerah/negeri/pusat apabila bacaan IPU melebihi 150 bagi tempoh lebih daripada 24 jam;
- (ii) **menghentikan semua aktiviti di luar bilik darjah** apabila bacaan **IPU melebihi 100**;
- (iii) **Sekolah, tadika dan taska ditutup serta-merta apabila bacaan IPU melebihi 200**. Bagi tujuan ini, pihak sekolah, tadika dan taska dikehendaki sentiasa memantau bacaan IPU. Sekiranya **trend bacaan menunjukkan peningkatan ke arah 200 persediaan perlu dilaksanakan untuk menutup sekolah, tadika dan taska yang berkenaan**; dan

(iv) **Operasi Pembenihan Awan (OPA)** akan dilakukan **tertakluk kepada kehadiran awan dan cuaca yang sesuai pada bacaan IPU melebihi 150 bagi tempoh lebih daripada 24 jam.**

Sehubungan itu, JAS bersama Kementerian dan setiap agensi yang terlibat dalam pengurusan bencana jerebu akan sentiasa bertindak dengan lebih cepat dan responsif di atas tindakan-tindakan seperti yang disenaraikan di dalam PTJK.

NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI

Bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman sesawang Jabatan Alam Sekitar (JAS) di alamat url, <https://eqms.doe.gov.my/APIMS/main> atau dengan memuat turun aplikasi telefon pintar rasmi MyJAS EQMS di 'Google Play' atau 'App Store';

- Orang ramai dinasihatkan melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan Malaysia (www.moh.gov.my) bagi mendapatkan nasihat kesihatan dan langkah-langkah pencegahan semasa jerebu;
- Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2024, kadar denda telah dinaikkan kepada minimum RM25,000 dan maksimum RM1,000,000, atau penjara sehingga 5 tahun, atau kedua-duanya. Di samping itu, kompaun sehingga tidak melebihi 50% denda maksimum boleh dikenakan atas setiap kesalahan; dan
- Orang ramai diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**

HAJAH AZURI AZIZAH BINTI HAJI SAEDON
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)
22 OGOS 2026



Peta Jerebu Serantau Yang Dikeluarkan Oleh ASMC Pada 22 Ogos 2026

